Nuklear Malaysia telah menganjurkan *Technology Preview & Showcase Nuklear Malaysia 2015* (TPS2015) buat pertama kali dengan menggabungkan tiga program utama iaitu Hari Pelanggan, Hari Inovasi dan IP Showcase. Objektif TPS2015 ialah untuk menemukan para penyelidik Nuklear Malaysia dengan pihak industri bagi mengenal pasti penyelidikan yang bersesuaian sekaligus memperkasakan hala tuju bidang penyelidikan teknologi nuklear ke arah pengkomersilan.

Di samping itu, program ini juga dapat mengetengahkan produk baru hasil P&P yang berpotensi dan mempunyai nilai tinggi kepada pihak industri untuk dikomersilkan. Program ini juga mewujudkan hubungan lebih rapat antara Nuklear Malaysia dan pelanggan. Aktiviti program meliputi pelancaran produk, seminar, padanan perniagaan, pameran dan lawatan teknikal.

9.5.1) Pelancaran Produk

Nuklear Malaysia telah melancarkan lima produk hasil R&D sempena program TPS2015. Senarai produk yang dilancarkan adalah seperti di Jadual 9.5.

9.5) Technology Preview & Showcase Nuklear Malaysia 2015

Nuklear Malaysia for the first time has organised the Technology Preview & Showcase Nuklear Malaysia 2015 (TPS2015) which combines three main programmes, Hari Pelanggan, Hari Inovasi and IP Showcase. The objective of TPS2015 is to connect Nuklear Malaysia researchers with industry players in identifying suitable areas of research as well as strengthening future direction in nuclear technology-based research toward commercialisation.

This TPS2015 programme also highlights new product from R&D activities which has potential and high value to industry for commercialisation. This programme has established good relationship between Nuklear Malaysia and customers. The programme activities including product launching, seminar, business matching, exhibition and technical visits

9.5.1) Product Launching

Nuklear Malaysia has launched five products R&D during TPS2015 programme. The list of products launched was showns in Table 9.5.

Jadual 9.5: Senarai produk yang dilancarkan sempena TPS2015
Table 9.5: List of products launched during TPS2015

Bil. No.	Produk Product	Keterangan Produk Product Description
1.	Rust Inhibitor	Salutan perencat karat berasaskan air untuk pelindungan daripada kakisan dan meningkatkan ketahanan sesuatu struktur. Water based Rust Inhibitor coating for corrosion protection and to extent reliability of the existing structures.
2.	Anti-microbial Active Packaging Film	Filem pembungkusan aktif anti-mikrob digunakan untuk meningkatkan jangka hayat makanan dan melambatkan proses pembiakan mikroorganisma. Anti-microbial active packaging film to extend the shelf life and improve safety of food products.
3.	Aquacage	Sangkar akuakultur berasaskan teknologi nano-hibrid biokomposit dibangunkan dengan sistem modul yang mudah alih bagi memudahkan pemasangan dan bersesuaian dengan kehendak pengguna. Aquaculture cage is based nano-hybrid biocomposites technology developed with portable module system for ease of installation and appropriate to requirements of users.
4.	Smart Survey Meter	Meter Tinjau Pintar merupakan alat yang dibangunkan dengan sensitiviti yang mencukupi yang boleh mengesan sebarang perubahan kecil terhadap tahap radiasi bagi semua radionuklid. Smart Survey Meter has developed with adequate sensitivity that can detect any small changes in radiation levels for many common radionuclides.
5.	Iridium-192 Sealed Source	Punca Terkedap Iridium-192 merupakan radioisotop yang digunakan dalam bidang ujian tanpa musnah. Iridium-192 Sealed Source is a radioisotope used in the field of non-destructive testing.

Foto 9.11: Majlis Pelancaran Produk oleh YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri MOSTI
Photo 9.11: Product Lauching Ceremony by The Hon. Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Minister of MOSTI

Foto 9.12: Produk yang dilancarkan
Photo 9.12: Products launched

Foto 9.13: Penerangan mengenai produk yang dilancarkan
Photo 9.13: Briefing on product launched

9.5.2) Pelancaran Pusat Kecemerlangan Nuklear Malaysia - PROTON Holdings Berhad

Nuklear Malaysia menjalinkan kerjasama dengan PROTON Holdings Berhad dalam pembangunan teknologi industri automotif. Kedua-dua pihak bersetuju untuk mewujudkan Pusat Kecemerlangan dalam bidang automotif dengan peranan utama masing-masing di mana Nuklear Malaysia menyumbang dalam P&P produk seperti wayar dan kabel, komposit, bahan polimer untuk diujipakai oleh PROTON Holdings Berhad.

9.5.2) Launching on Centre of Excellent Nuklear Malaysia - PROTON Holdings Berhad

Nuklear Malaysia has collaborated with PROTON Holdings Berhad in technology development for automotive industry. Both parties agreed to develop Centre of Excellent on automotive in which Nuklear Malaysia is to provide R&D on wires and cables, composite, polymeric material for trial by PROTON Holdings Berhad.

Foto 9.14: YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau merasmikan Pusat Kecemerlangan Nuklear Malaysia-PROTON Holdings Berhad
Photo 9.14: The Hon. Datuk Seri Panglima Madius Tangau officiate the Centre of Excellent Nuklear Malaysia-PROTON Holdings Berhad

Gambar 9.15: Penerangan mengenai sistem wayar dan kabel dalam kereta Proton IRIZ oleh Encik Abdul Rashid Musa, Ketua Pegawai Teknikal, PROTON Holdings Berhad
Photo 9.15: Briefing on wire and cable used in Proton IRIZ by Mr. Abdul Rashid Musa, Chief Technical Officer, PROTON Holdings Berhad

Foto 9.16: Demostrasi ujian wayar dan kabel yang telah ditaut silang menggunakan alur elektron
Photo 9.16: Testing demonstration on wire and cable cross-linked by electron beam

9.5.3) Seminar Pengkomersialan dan Pemindahan Teknologi

Seminar Pengkomersilan dan Pemindahan Teknologi telah diadakan sempena program TPS2015. Seminar telah melibatkan pembentang yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengkomersilan dan pemindahan teknologi dari industri automotif, pertanian, organisasi pembiayaan dana dan universiti. Jadual 9.6 menunjukkan senarai pembentang dan tajuk pembentangan.

9.5.3) Seminar on Commercialisation and Technology Transfer

Seminar on Commercialisation and Technology Transfer was held in conjunction with TPS2015 programme. The seminar has involved presenters who have extensive experience in commercialisation and technology transfer from the automotive industry, agriculture, funding organisations and universities. Table 9.6 shows the list of presenters and title of presentation.

Jadual 9.6: Senarai pembentang dan tajuk pembentangan
Table 9.6: List of presenters and title of presentation

Bil. No.	Tajuk Title	Pembentang Presenter
1.	IRIZ – *Safety Made Affordable*	Ketua Pegawai Teknikal Kumpulan Kejuruteraan PROTON Holdings Berhad
2.	Pengalaman Jalinan Kerjasama Membangunkan Mutan Orkid dalam Industri Pertanian	Pengarah Hexagon Green Sdn. Bhd.
3.	Teknologi Bioreaktor	Pegawai Penyelidik Bahagian Agroteknologi & Biosains Nuklear Malaysia
4.	Pembangunan Radiofarmaseutikal di Nuklear Malaysia	Pengarah Bahagian Teknologi Perubatan, Nuklear Malaysia
5.	Cabaran Produk Penyelidikan dari Makmal ke Pasaran	Pengarah R&D Diversatech Fertilizer Sdn Bhd
6.	Pengkomersialan Produk R&D di UPM	Ketua Pegawai Eksekutif UPM Holdings Sdn. Bhd.
7.	Potensi Produk R&D Herba	Pegawai Penyelidik Bahagian Teknologi Perubatan Nuklear Malaysia
8.	Teknologi dan Perniagaan	Pengarah Urusan Suhan Biotech Sdn. Bhd.
9.	Kemudahan Dana MOSTI	Setiausaha Bahagian Dana MOSTI

Foto 9.17: Pembentangan bertajuk "Pembangunan Radiofarmaseutikal di Nuklear Malaysia" oleh Pengarah Bahagian Teknologi Perubatan
Photo 9.17: Presentation entitled "Development of Radiopharmaceutical at Nuklear Malaysia" by Director of Medical Technology Division

Foto 9.18: Pembentangan bertajuk "Teknologi dan Perniagaan" oleh Pengarah Urusan Suhan Biotech Sdn. Bhd.
Photo 9.18: Presentation entitled "Technology and Business" by Managing Director of Suhan Biotech Sdn. Bhd.

Foto 9.19: Pembentangan bertajuk "Pengalaman Jalinan Kerjasama Membangunkan Mutan Orkid dalam Industri Pertanian" oleh Pengarah Hexagon Green Sdn. Bhd.
Photo 9.19: Presentation entitled "Collaboration Experience on Development of Mutant Orchid in Agriculture Industry" by Director of Hexagon Green Sdn Bhd

Foto 9.20: Pembentangan bertajuk "IRIZ – Safety Made Affordable" oleh Ketua Pegawai Teknikal, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.
Photo 9.20: Presentation entitled "IRIZ – Safety Made Affordable" by Chief Technical Officer, PROTON Holdings Berhad

9.5.4) Pameran Produk

Pameran produk diadakan sepanjang program TPS2015 berlangsung. Terdapat tiga kategori pameran yang diadakan iaitu:

(a) Pameran Produk dan Khidmat Nuklear Malaysia

(b) IP Showcase dan Penerima Dana MOSTI

(c) Pertandingan Inovasi

9.5.4) Product Exhibition

Product exhibition was held during TPS2015 program. There are three categories of the exhibition:

(a) Exhibition on Nuklear Malaysia's Product and Services

(b) IP Showcase and MOSTI Fund Recipients

(c) Innovation Competition

Foto 9.21: Penerangan produk pertanian kepada YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri MOSTI semasa lawatan ke pameran.
Photo 9.21: Product briefing to The Hon. Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Minister of MOSTI during visit the exhibition.

Foto 9.22: Kunjungan pelawat di tapak pameran teknologi bioreaktor
Photo 9.22: Visitors at exhibition booth of bioreactor technology

Foto 9.23: Penerangan filem pembungkusan aktif anti-mikrob kepada pelawat.
Photo 9.23: Briefing on anti-microbial active packaging film to visitors.

Foto 9.24: Tapak pameran SME Corporation Sdn. Bhd.
Photo 9.24: SME Corporation Sdn. Bhd. exhibition booth

Foto 9.25: Penerangan produk kenaf kepada wakil industri
Photo 9.25: Briefing on kenaf to industry representative

Foto 9.26: Demonstrasi pengimpal PomiSpot kepada pelawat
Photo 9.26: Demonstration on PomiSpot welder to visitors

9.5.5) Seminar Harta Intelek (IP)

Seminar Harta Intelek (IP) bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penyelidik Nuklear Malaysia berkenaan harta intelek seperti paten, tanda niaga dan rekabentuk industri. Seminar ini juga bertujuan untuk menanam budaya harta intelek dalam kalangan penyelidik. Klinik IP turut diadakan bagi membantu peserta seminar untuk memahami dengan lebih jelas tentang pengurusan IP.

ProIP Sdn. Bhd. telah menyampaikan dua ceramah bertajuk *'Overview of Intellectual Property (IP) and Introduction to Patent'* dan *'Introduction to Trademark and Industrial Design Teknologi Bioreaktor'*.

9.5.5) Seminar on Intellectual Property (IP)

Seminar on Intellectual Property (IP) aims to provide exposure to Nuklear Malaysia's researchers on intellectual property matter such as patent, trademark and industrial design. It also aims to establish intellectual property culture among researchers. IP Clinics are also held to assist participants to clearly understand IP management.

ProIP Sdn. Bhd. gave two talks entitled 'Overview of Intellectual Property (IP) and Introduction to Patent' and 'Introduction to Trademark and Industrial Design Bioreaktor Technology'.

Foto 9.27: Perbincangan antara peserta seminar dengan ProIP Sdn. Bhd.
Photo 9.27: Discussion between participants with ProIP Sdn. Bhd.

Foto 9.28: Penerangan pembentang daripada ProIP Sdn. Bhd. kepada peserta semasa Klinik IP.
Photo 9.28: Briefing from presenter from ProIP Sdn. Bhd. to participants during IP Clinic.

9.5.6) Ceramah dan padanan perniagaan

Sesi padanan dan perbincangan perniagaan diadakan di tapak pameran sepanjang program TPS2015 berlangsung. Sesi ini merupakan platform untuk syarikat mengenal dan mengetahui khidmat dan produk yang terdapat di Nuklear Malaysia. Syarikat yang berminat boleh berinteraksi secara terus dengan penyelidik untuk mendapatkan khidmat dan produk yang ditawarkan. Jadual 9.7 menunjukkan senarai syarikat dan penceramah yang terlibat dalam sesi ini.

9.5.6) Business Pitching and Talks

Business pitching and talks were held at the exhibition booth in conjunction with TPS2015 programme. The sessions were a platform for companies to learn about the services and products available in Nuklear Malaysia. Interested companies can interact directly with researchers to obtain the services and products offered. Table 9.7 shows the list of company and speakers who were involved during these sessions.

Jadual 9.7: Senarai organisasi yang terlibat dalam Ceramah dan padanan perniagaan
Table 9.7: List of organisation involved during business pitching and talks

Bil. No.	Tajuk Title	Organisasi Organisation
1.	Keselamatan Pekerja Sinaran	Bahagian Keselamatan Sinaran, Nuklear Malaysia
2.	Pengenalan Dana SME Corp	SME Corporation Malaysia
3.	Kemudahan Dana Pengkomersialan	Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd (MTDC)
4.	Promosi Produk Rust Inhibitor	Alpha Prima Engineering Sdn. Bhd.
5.	Promosi Program Latihan di Pusat Latihan Nuklear Malaysia	Pusat Latihan, Nuklear Malaysia
6.	Pengenalan Dosimeter Peribadi Jenis OSL	Bahagian Keselamatan Sinaran, Nuklear Malaysia
7.	Perkhidmatan Radiokimia Alam Sekitar	Bahagian Teknologi Sisa & Alam Sekitar, Nuklear Malaysia

Foto 9.29: Ceramah perniagaan bertajuk "Pengenalan Dana SME Corp" dari SME Corporation Malaysia
Photo 9.29: Business talk entitled "Pengenalan Dana SME Corp" from SME Corporation Malaysia

Foto 9.30: Ceramah "Keselamatan Pekerja Sinaran" oleh penyelidik Nuklear Malaysia
Photo 9.30: Talk on "Keselamatan Pekerja Sinaran" by Nuklear Malaysia's researcher

9.5.7) Lawatan ke Kemudahan Utama Nuklear Malaysia

Para pelawat yang hadir ke program TPS2015 telah diberi peluang untuk mengunjungi kemudahan utama di Nuklear Malaysia. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelawat berkenaan aktiviti yang dilaksanakan di loji dan makmal. Senarai kemudahan yang dilawati adalah seperti berikut:

9.5.7) Visit to Main Facilities in Nuklear Malaysia

Visitors of TPS2015 programme were given the opportunity to visit main facilities at Nuklear Malaysia. The visit aimed to expose visitors about activities at pilot plants and laboratories. List of facilities visited are as follows:

(a) Makmal Fizik Perubatan

(b) Loji Alurtron

(c) Rumah Hijau Gama

(d) Loji Singama

(e) Loji Raymintex

(f) Makmal Standard Dosimetri Sekunder (SSDL)

(a) Medical Physics Laboratory

(b) Alurtron Plant

(c) Gamma Green House

(d) Sinagama Plant

(e) Raymintex Plant

(f) Secondary Standard Dosimetry Laboratory (SSDL)

9.6) Program Promosi dan Pemasaran

9.6.1) Lawatan Industri

Nuklear Malaysia telah mengadakan 25 lawatan kerja ke syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) dan institusi. Lawatan ini bertujuan mempromosi produk P&P dan perkhidmatan Nuklear Malaysia kepada industri dan institusi berkenaan.

9.6) Promotion and Marketing Programme

9.6.1) Industrial Visit

Nuklear Malaysia has visited 25 small and medium enterprise (SME) companies and institutions. The purpose of the visits was to promote R&D products and services offered by Nuklear Malaysia to relevant industries and institutions.

Foto 9.31: Lawatan teknikal bersama Alphaprima Engineering Sdn. Bhd. ke Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor bagi projek kerjasama mengkomersilkan perencat karat

Photo 9.31: Technical visit with Alphaprima Engineering Sdn. Bhd. to Tanjung Pelepas Port, Johor for collaboration project on commercialisation of rust inhibitor

Foto 9.32: Lawatan teknikal ke Venture Diecasting Sdn Bhd bagi projek pengkomersialan *aluminium sacrificial anode*
Photo 9.32: Technical visit to Venture Diecasting Sdn. Bhd. for project commercialisation of aluminium sacrificial anode

Foto 9.33: Lawatan teknikal ke Netcess Berhad bagi projek kerjasama penghasilan produk 'O' Ring untuk kegunaan automotif
Photo 9.33: Technical visit to Netcess Berhad for collaboration project on production of 'O' Ring for automotive application

Foto 9.34: Lawatan teknikal daripada PROTON Holdings Berhad ke Bahagian Pemprosesan Teknologi Sinaran, Nuklear Malaysia

Photo 9.34: Technical visit from PROTON Holdings Berhad to Radiation Processing Technology Division, Nuklear Malaysia

Foto 9.35: Lawatan teknikal ke Politeknik Banting, Selangor

Photo 9.35: Technical visit to Politeknik Banting, Selangor

9.6.2) Pameran

Nuklear Malaysia turut bergiat aktif dalam pameran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dikelola oleh SME Corporation Malaysia, MOSTI dan institusi lain. Senarai pameran yang disertai adalah seperti di Jadual 9.8.

9.6.2) Exhibition

Nuklear Malaysia was actively involved in exhibitions at national and international levels conducted by SME Corporation Malaysia, MOSTI and other institutions. The list of exhibitions participated by Nuklear Malaysia as in Table 9.8.

Jadual 9.8: Senarai pameran yang disertai oleh Nuklear Malaysia
Table 9.8: List of exhibitions participated by Nuklear Malaysia

Bil. No.	Pameran Exhibitions
1.	Pameran Sempena 6th Annual Nuclear Power Asia 2015, 26 – 28 Januari 2015 di Hotel Hilton Kuala Lumpur anjuran PICO International (M) Sdn. Bhd.
2.	Bio Borneo 2015, 20 – 21 April 2015 di Magellan Sutera, Sutera Harbour Resort Kota Kinabalu, Sabah anjuran MOSTI, Sabah Economic Development & Investment (SEDIA), BiotechCorp & Sabah Biodiversity Centre (SaBC)
3.	Pameran Sempena *WNU Short Course*, 11 – 14 Mei 2015 di Hotel Everly, Putrajaya anjuran MARPA
4.	NICE 2015, 20 – 23 Mei 2015 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) anjuran MOSTI
5.	IMU *Science Discovery Challenge Biotechnology 2015*, 25 Julai 2015 di IMU Bukit Jalil anjuran International Medical University Malaysia (IMU)
6.	Pameran Sempena Persidangan Agong IAEA kali ke 59, 4 – 8 September 2015 di Vienna, Austria anjuran IAEA
7.	*Technology Preview & Showcase* Nuklear Malaysia, 26 – 29 Oktober 2015 di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi anjuran Nuklear Malaysia
8.	Pameran sempena Konferensi Antrabangsa Warisan Islam (1st ISHEC 2015), 11 – 12 November 2015 di Hotel Mahkota, Bandar Hilir Melaka anjuran UiTM Melaka
9.	MCCE 2015, 18 – 19 November 2015 di PWTC anjuran MOSTI
10.	Program Tangga Batu A, 28 November 2015 di Pantai Puteri Melaka anjuran MOSTI & Parlimen Tangga Batu

Foto 9.36: Lawatan YBhg. Dato' Dr. Mohd Azhar Bin Hj Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI di tapak pameran sempena NICE2015 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
Photo 9.36: Visit by YBhg. Dato' Dr. Mohd Azhar Bin Hj Yahaya, Deputy Secretary General (Policy) MOSTI at exhibition booth during NICE2015 at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

Foto 9.37: Lawatan YB Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri MOSTI di tapak pameran sempena Program Tangga Batu A, Pantai Puteri Melaka
Photo 9.37: Visit by The Hon. Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Deputy Minister MOSTI at exhibition booth during Program Tangga Batu A, Pantai Puteri Melaka

Foto 9.38: Pameran sempena Persidangan Agong IAEA di Vienna, Austria
Photo 9.38: Exhibition during IAEA General Conference at Vienna, Austria

9.6.3) Pengiklanan

Satu iklan telah diterbitkan untuk tujuan mempromosi aktiviti pengkomersilan Nuklear Malaysia dalam Buku Program Konferensi Antarabangsa Warisan Islam (1st ISHEC 2015) anjuran Universiti Teknologi Mara, Alor Gajah, Melaka.

9.6.3) Advertisement

An advertisement has been published to promote Nuklear Malaysia's commercialisation activities in Programme Book of International Islamic Heritage Conference (1st ISHEC 2015) organised by Universiti Teknologi Mara, Alor Gajah, Melaka.

9.7) Projek Komuniti

Nuklear Malaysia telah berjaya melaksanakan projek pembangunan loji ekstrasi minyak gaharu di Kampung Uma Baloi Liko, Sungai Asap bagi komuniti Belaga, Sarawak. Projek ini adalah kerjasama dengan *Asap Koyan Development Community (AKDC)* dan menerima pembiayaan dana *Community InnoFund MOSTI (CIF)* sebanyak RM500,000.00.

9.7) Community Project

Nuklear Malaysia has successfully completed the pilot plant project on extraction of gaharu oil at Kampung Uma Baloi Liko, Sungai Asap for Belaga community in Sarawak. The project is a collaboration with Asap Koyan Development Community (AKDC) through Community InnoFund MOSTI (CIF) funding for the sum of RM500,000.00.

Foto 9.39: Loji ekstraksi minyak gaharu yang dibangunkan di Uma Baloi Liko, Sungai Asap, Belaga, Sarawak
Photo 9.39: Gaharu oil extraction plant developed at Uma Baloi Liko, Sungai Asap, Belaga, Sarawak



Foto 9.40: Minyak gaharu yang dihasilkan melalui sistem ekstraksi
Photo 9.40: Gaharu oil produced through extraction system

Foto 9.41: Lawatan panel pasukan pengurusan projek ke loji ekstraksi minyak gaharu
Photo 9.41: Visit by project management team to gaharu oil extraction plant

9.8) Pusat Latihan

Pusat Latihan Nuklear Malaysia diamanahkan dengan tugas melaksanakan program-program latihan dalam sektor-sektor berikut untuk meningkatkan kemahiran yang diperlukan, menggalakkan kesedaran keselamatan yang lebih besar dan mewujudkan tenaga kerja yang cekap dalam memainkan peranan yang lebih besar dalam agenda pembangunan negara.

- Sektor keselamatan dan kesihatan
- Sektor sinar-X perubatan
- Sektor keselamatan persekitaran dan kesihatan
- Sektor penilaian tanpa musnah
- Sektor instrumentasi dan kejuruteraan
- Sektor pengurusan teknologi
- Sektor latihan antarabangsa

9.8 Training Center

Nuklear Malaysia Training Center was entrusted with the task of implementing training programmes in the following sectors to enhance necessary skills, promote greater safety awareness and establish a competent workforce to play a greater role in national development agenda.

- Radiation safety and health sector
- Medical X-ray sector
- Environmental safety and health sector
- Non-destructive evaluation sector
- Instrumentation and engineering sector
- Technology management sector
- International training sector

Foto 9.42: Pusat Latihan Nuklear Malaysia
Photo 9.42: Nuklear Malaysia Training Center

Semua program latihan yang dianjurkan seperti latihan awam, program serantau dan program asas agensi direka khas untuk memenuhi kehendak dan keperluan organisasi. Program-program ini adalah kos efektif dan mampu menangani isu-isu kepentingan tertentu. Program latihan Nuklear Malaysia dijalankan oleh kumpulan fasilitator yang

All the training programmes, such as public training, regional based programmes or agency based programmes are designed to respond to the demands and meet the needs of the organisation. These programmes are cost-effective and able to address issues of particular interest. Nuklear Malaysia training programmes are conducted by

berpengalaman dan disokong oleh kemudahan yang lengkap dan pengalaman penyelidikan yang mendalam. Kursus yang dianjurkan sentiasa dikemaskini berdasarkan perubahan keperluan peraturan yang berkenaan serta mendapat nasihat pakar tanpa mengabaikan kepentingan pelanggan. Pusat latihan ini mendapat diiktiraf oleh :

- Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) sebagai Penyedia Latihan Kelas A (0219) dan Pusat Kecemerlangan Peningkatan Kemahiran PKS
- Kementerian Kewangan untuk insentif potongan dua kali
- Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) sebagai pusat kecemerlangan dalam aktiviti perlindungan sinaran
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia sebagai pusat latihan dan peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai penyedia latihan dalam sinar-X perubatan untuk program CME
- IAEA Regional Training Center untuk program Post Graduate Educational Course dan kursus-kursus lain
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) sebagai penyedia latihan yang mengendalikan kursus yang mendapat mata pemberat CEP (CEP Point)
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai penyedia latihan yang menyediakan latihan peningkatan kompentensi kontraktor bagi mengumpul mata CCD (Continuous Contractor Development).

a pool of qualified and experienced facilitators and supported by well-equipped facilities and extensive research experiences. Our courses are regularly updated based on changing needs of regulatory requirements, expert advice without neglecting customer interest. Our training center were recognised by :

- PSMB's Class A Approved Training Provider and an Approved Center of SME Skill Advancement
- An Approved Training Institution by Ministry of Finance for Double Deduction Incentive
- Center of excellence in Radiation Protection Activities by Atomic Energy Licensing Board (AELB)
- JPK's Recognised Center for SKM Training & Examination
- Training provider in medical X-ray for CME programme under Ministry of Health (MOH)
- A Regional Training Center recognised by International Atomic Energy Agency (IAEA) for program Post Graduate Educational Course (PGEC) and other courses
- CEP training for selected courses approved by Department of Occupational Safety and Health (DOSH)
- Construction Industry Development Board (CIDB) approved center for Continuous Contractor Development (CCD) points in enhancement of contractor competency

Prasarana latihan kami disokong oleh rangkaian lengkap makmal P&Pdan lain-lain kemudahan radiasi utama yang menawarkan satu peluang yang baik untuk mempunyai pendedahan langsung dalam pelbagai jenis aplikasi dalam sinaran mengion. Nuklear Malaysia adalah satu-satunya organisasi yang boleh memberikan kemudahan ini di Malaysia. Dengan lebih 40 tahun pengalaman, ditambah pula dengan pengiktirafan kebangsaan dan antarabangsa, Pusat Latihan Nuklear Malaysia akan memberikan jaminan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan.

Nuklear Malaysia telah berjaya menjadi hub dalam memberi khidmat kepakaran dan latihan dalam teknologi nuklear kepada pelatih dalam dan luar negara. Sepanjang (2007 – 2014), Pusat Latihan telah memberi latihan dan kepakaran kepada peserta tempatan dan luar negara yang rata-ratanya datang dari peserta IAEA, negara asia tengah dan juga dikalangan anggota asia yang lain. Sehubungan itu, Nuklear Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menjalankan Kursus Postgraduate Educational Course in Radiation Protection and The Safety in Radiation Sources (PGEC) sejak tahun 2000 pada penganjuran pertamanya lagi. PGEC yang diadakan dengan kerjasama Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), adalah anjuran bersama Nuklear Malaysia dengan Universiti Sains Malaysia (USM), LPTA (Lembaga Perlesenan Tenaga Atom) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kursus ini direka bagi meningkatkan Infrastruktur Perlindungan Sinaran di rantau ini. Malaysia bersetuju untuk berkongsi sumber, pengalaman dan infrastruktur latihan dengan negara-negara membangun bagi mencapai matlamat ini. Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan asas kepada profesional antarabangsa dan tempatan yang terlibat dalam kerjaya sinaran. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web sesawang **https://www.iaea.org/**

Our training infrastructure is supported by a complete range of R&D laboratories and other main radiation facilities that offer an excellent opportunity to have first hand exposure in different types of application in ionising radiation. Nuklear Malaysia is the only organisation that can provide this sort of facilities in Malaysia. With over 40 years behind us, coupled with both national and international recognitions will assure you the best services from us.

Nuklear Malaysia has become a hub in providing expertise and training in nuclear technology locally and abroad. Throughout, (2007 - 2014), Training Center has provided training and expertise to both local and foreign participants mostly from IAEA participants, Central Asian countries and among other members in Asia. With that success, Nuklear Malaysia has been entrusted to carry out The Post Graduate Educational Course (PGEC) in collaboration with the International Atomic Energy Agency (IAEA) since 2000. The programme has been conducted in cooperation with Universiti Sains Malaysia (USM) and other local partners including AELB (Atomic Energy Licensing Board) and Ministry of Health (MOH). This course was established to improve Radiation Protection Infrastructure in the region. Malaysia has agreed to share its resources, experience and training infrastructures with other region of developing countries to achieve this objective. The general aim of the course is to provide initial basic knowledge for professional from international and local who involved in radiation professionals. For any information, please visit website **https://www.iaea.org/**

Jadual 9.9 Kursus PGEC di Malaysia
Table 9.9: Radiation Safety & Safety of Radioactive Sources

PGEC	Tarikh/ Date	Masa/ Duration	Peserta/Participants		
			Antarabangsa/International	Tempatan/Local	Jumlah/Total
PGEC-1	1 November 2000 – 30 Oktober/ October 2001	1 tahun/year	13	-	13
PGEC-2	18 Februari/February 2002 – 25 Januari/ January 2003	1 tahun/year	20	-	20
PGEC-3	8 Disember/December 2003 – 2 Disember/ December 2004	1 tahun/year	18	2	20
PGEC-4	1 Jun/June 2005 – 20 Mei/May 2006	1 tahun/year	18	4	22
PGEC-5	27 November 2006 – 7 Julai/July 2007	32 minggu/ weeks	22	3	25
PGEC-6	15 Oktober/October 2008 – 31 Mei/May 2009	32 minggu/ weeks	20	3	23
PGEC-7	14 Oktober/October 2009 – 30 Mei/May 2010	32 minggu/ weeks	21	4	25
PGEC-8	11 Oktober/October 2010 – 24 Mei/May 2011	32 minggu/ weeks	26	2	28
PGEC-9	17 September 2012 – 9 Mac/March 2013	25 minggu/ weeks	24	4	24
PGEC-10	10 Jun/June 2013 – 6 Disember/December 2013	25 minggu/ weeks	24	4	24
PGEC-11	9 Jun/June -5 Disember/December 2014	25 minggu/ weeks	25	5	30
PGEC-12	1 Jun/June -27 November 2015	26 minggu/ weeks	30	4	34
PGEC-13	1 6 May – 11 November 2016	26 minggu/ weeks	30	5	35

Foto 9.43: *Post Graduate Educational Course* (PGEC)
Photo 9.43: The Post Graduate Educational Course (PGEC)

Pelaksanaan program-program latihan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan kesedaran keselamatan dalam setiap sektor. Ianya juga selaras dengan usaha untuk menggalakkan penggunaan teknologi nuklear dalam bidang industri minyak dan gas, perubatan, kejuruteraan, pertanian, alam sekitar, geologi, penyelidikan dan pembangunan serta bidang lain-lain yang berkaitan.

All the training programmes are to improve skills and safety awareness in every sector. It is also in line with efforts to promote the use of nuclear technology in oil and gas industry, medicine, engineering, agriculture, environment, geology, research and development and other related fields.

9.9) Pencapaian Kursus

9.9.1) Statistik

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 60.2% daripada agenda latihan yang dirancang berjaya dilaksanakan dimana Pusat Latihan Nuklear Malaysia telah melatih 3400 peserta dengan 33 produk dan 138 frekuensi kursus/seminar dijalankan di dalam pelbagai sektor latihan termasuk latihan asas agensi dan luar pesisir.

Pusat Latihan turut menyumbang kepada pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang merupakan penyumbang lebih daripada 60% kepada perkembangan ekonomi negara dengan melatih 147 peserta dalam

9.9) Achievement

9.9.1 Statistic

In 2015, we have successfully organized 60.2% of the planned training agenda and has trained 3400 participants with 138 frequency of courses / seminars conducted training in various sectors including public and offshore training

We also contributed to the development of Small and Medium Enterprises (SMEs) which added more than 60% to the country's economic development by training 147 participants in the field of radiation and entrepreneurship. For the international participants, we have trained 30 participants from various countries who joined PGEC course. We will

bidang sinaran dan juga perusahaan. Bagi peserta antarabangsa pula, 30 peserta dari pelbagai negara telah berjaya mengikut kursus PGEC yang kami anjurkan. Latihan yang ditawarkan sentiasa dikemaskini setiap tahun dan cadangan penghasilan produk-produk latihan yang baharu akan dinilai oleh pakar-pakar serta mengikut amalan-amalan standard yang berkaitan dengan mengambil kira keperluan pelanggan.

9.9.2) Acara Tahunan

Sebanyak lapan program acara tahunan telah dijalankan iaitu empat seminar pengimejan perubatan, satu seminar Penulisan & Penerbitan Saintifik dan Bengkel, satu Seminar Keselamatan Makanan, dua persidangan iaitu Persidangan Perlindungan Sinaran dan Bengkel dan Persidangan Sinaran Tidak Mengion serta satu kursus jangka pendek World Nuclear University (WNU). Kesemua acara ini dijalankan di luar pesisir agensi nuklear dengan jumlah penyertaan peserta seramai 661 orang.

regularly update our training products and proposed new training products which will be evaluated by experts in accordance with standard practices by considering the needs of our customers.

9.9.2) Annual Event

A total of eight program has been organised such as four seminars on Scientific Meeting on Medical Imaging, one seminar on Scientific Writing & Publication, one Seminar on Food Safety, two conferences, which are, Radiation Protection Conference and workshops and Conference on Non-Ionising Radiation with one World Nuclear University short course (WNU). All these events have been conducted in various states with 661 number of participants.

Foto 9.44: *World Nuclear University* (WNU)
Photo 9.44: World Nuclear University (WNU)

9.9.3) Laporan Audit

Satu renewal audit oleh pihak syarikat SGS Malaysia telah dijalankan pada 20 Januari 2015 dan tiada Major dan Minor Non-Conformity dan ini yang membolehkan UKL mengekalkan prestasi dan persijilan ISO 9001:2008 terhadap sistem pengurusan kualiti UKL masih diteruskan.

9.9.3) Audit Report

Audit Renewal SGS Malaysia was conducted on 20 January 2015 with no major and minor non-conformity and this shows that we have maintain the standards as in ISO 9001: 2008 for Quality Management System.

9.10) Lakaran Kejayaan

9.10.1) Kursus baharu

Tahun 2015 menunjukkan penambahan sebanyak lapan kursus baharu yang menjadikan sejumlah 89 kursus berbanding hanya 81 pada tahun sebelumnya. Pelaksanaan kursus baru merupakan salah satu usaha penambahbaikan latihan UKL yang berterusan bagi menjamin penganjuran kursus-kursus yang menarik dan relevan dengan perubahan akta dan peraturan perundangan semasa. Kursus-kursus ini dijalankan hasil daripada kajian terhadap maklum balas peserta, perubahan terkini akta dan peraturan dan bagi memenuhi keperluan latihan pelanggan.

9.10.2) Projek Kerjasama Latihan

Sesuai dengan prinsip kerjasama awam swasta yang mencerminkan hasrat kerajaan untuk mempergiatkan penglibatan swasta, Pusat Latihan telah menjalinkan kerjasama dengan syarikat – syarikat seperti Lady Faza Solution Sdn. Bhd., Madani Training Sdn Bhd dan beberapa syarikat lain bagi merancakkan lagi penawaran program – program latihan yang berasaskan teknologi nuklear dan yang berkaitan. Pada tahun 2015, sebanyak enam program latihan telah berjaya dikendalikan oleh Lady Faza Solution Sdn. Bhd dan dua pogram latihan oleh Syarikat Madani Training Sdn Bhd.

9.10) Success Sketch

9.10.1) New Courses

In 2015, there an increase of eight new courses that makes a total of 89 courses offered in 2015 compared to only 81 in the previous year. By implementing new courses, it shows that our efforts to improve our training offered in accordance to the changing legal acts and regulations. This new courses offered also as a result in studying our customers feedback to meet the training needs of the customer.

9.10.2) Training Partnership Project

In accordance with the principle of public-private partnership which reflects the government's desire to encourage private sector involvement, we has been working with companies like Lady Faza Solution Sdn. Bhd., Madani Training Sdn Bhd and several other companies to boost the training program which are related with nuclear technologies. In 2015, Lady Faza Solution Sdn. Bhd has conducted six training program followed by two program by Madani Training Sdn Bhd.

9.10.3) Sistem Atas Talian

Seiring dengan perkembangan teknologi dan memudahkan capaian maklumat kursus, UKL turut telah mempunyai laman sesawang/portal Pusat Latihan sendiri. Di laman web tersebut, terdapat juga kemudahan sistem pembelajaran atas talian, e-Tuition yang telah dinaiktaraf untuk kegunaan para peserta program yang berdaftar mendapatkan nota kursus dan berkomunikasi dengan tenaga pengajar secara percuma dan boleh mula digunakan pada tahun 2015.

9.10.3) Online Training System

In line with the current technology development abridging the user to access information available, we has created our own training portal/website. In the website, the participants can access our online learning system, e-Tuition to get notes and communicate with instructors for free. E Tuition is a system that enable our customers to reach our training programmes anywhere, anytime. User can learn at their own space and get certificate on site.

9.10.4) Kemudahan Penginapan Suite57@Rumah Tamu Nuklear Malaysia

Penginapan ini telah digunakan sejak tahun 2013 untuk kemudahan kursus dan dijadikan sebahagian pakej kursus. Dengan sejumlah hanya 15 buah bilik, telah menjana kutipan sebanyak RM57,000 dengan 570 malam jumlah malam yang dihuni dan ini telah menjana kutipan ke dalam akaun hasil kerajaan.

9.10.4) Accomodation at Suite57@ Rumah Tamu Nuklear Malaysia

We have offered this accomodation since 2013 to facilitate our participants and it has been include in our course package. With a total of 15 rooms, we have generated RM57, 000 with 570 number of nights occupied that has made revenue into government account.

Foto 9.45: Kemudahan Penginapan *Suite*57@Rumah Tamu Nuklear Malaysia
Photo 9.45: Accomodation at Suite57@Rumah Tamu Nuklear Malaysia

9.11) Dimensi Baharu

Pusat Latihan juga telah memperkenalkan dua program khas baharu iaitu Sarjana Sains (Sains Sinaran) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia. .Ini adalah satu usaha bagi meningkatkan persijilan program latihan sedia ada ke peringkat yang lebih tinggi. Kelebihan ini didokong dengan tenaga pengajar dari penyelidik nuklear dan infrastruktur P&P yang dapat membantu meningkatkan usaha penyelidikan yang lebih banyak, kreatif. Sebagai peneraju menyediakan latihan teknologi nuklear dan berkaitan, Pusat Latihan turut berperanan untuk menonjolkan pegawai penyelidik yang kompeten dan berdaya saing dalam bidang dan kepakaran/ kemahiran masing-masing. Tanggungjawab ini bagi memastikan setiap agenda pembangunan negara yang disasarkan dapat dipenuhi menerusi pakej latihan dan pembelajaran yang disediakan selaras dengan ministrial function Nuklear Malaysia. Seramai 14 orang pegawai penyelidik Nuklear Malaysia telah dipilih untuk menjadi tenaga pengajar bagi program ini dan akan dijalankan sepenuhnya di Nuklear Malaysia.

Program khas seterusnya turut dikenalkan adalah Program Scientific Attachment. Ia merupakan peluang pembelajaran yang dinamik untuk para penyelidik dan saintis untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman di dalam bidang yang berkaitan dengan radiasi dan teknologi nuklear. Program ini akan membolehkan pelatih dibimbing oleh Pegawai Penyelidik Nuklear Malaysia yang sangat berpengalaman dan berkepakaran dalam penyelidikan. Pelatih yang telah diterima untuk menyertai program sangkutan saintifik akan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian mengikut keperluan projek masing-masing. Seterusnya, pelatih akan menjalankan kajian di fasiliti-fasiliti yang terdapat di Nuklear Malaysia dengan bimbingan penyelia. Program ini terbuka kepada pegawai penyelidik/saintis tempatan dan juga antarabangsa dan tempoh komitmen mungkin berbeza-beza bergantung kepada permintaan dan juga keperluan projek.

9.11) New Dimension

Training Center also has introduced two new special programme such as Master of Science (Radiation Sciences) in collaboration with Universiti Sains Malaysia (USM) and Scientific Attachment Programme. Master of Science (Radiation Sciences) in collaboration with USM is an effort to improve the existing certification training programme to a higher level. The advantage of this is supported by the teaching staff of researchers and infrastructure nuclear R&D that can help boost research efforts more creative. As a leader in providing nuclear technology and related training, training center also serves to highlight the research officers who are competent and competitive in the field and expertise / skills of each. The responsibility to ensure that every country's development agenda can be met through targeted training and learning package prepared in accordance with the ministrial function Nuklear Malaysia. A total of 14 officers Nuklear Malaysia researchers have been selected to become trainers for this programme and will be conducted entirely in Nuklear Malaysia.

The Scientific Attachment Programme provides a good learning platform for researcher or scientist to enhance their knowledge and hand-on experience in the field related to radiation and nuclear technology. This programme will allow participants to guide and supervise by our highly experienced researcher. Participant who has been accepted to join this scientific attachment programme will be able to take on varied assignments or projects in one of our divisions. Participants will be allowed to conduct their research in Nuklear Malaysia facilities. This programme is opened to participant from national and international establishments and period of commitment may vary depending on request and project needs.

9.12) Aktiviti Pusat Latihan

Pusat latihan telah menjalankan beberapa siri bengkel bagi pemantapan program latihan seperti :

- Bengkel WIM – untuk bahan pengajaran dan pembelajaran terhadap kursus Radiografi Industri (Tahap 1) mengikut keperluan NOSS baharu di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran.

- Bengkel buku kajian kes – bagi siri penerbitan tehadap kompilasi bahan-bahan kajian kes yang dikumpulkan yang boleh digunapakai untuk kepelbagaian kaedah pengajaran dan dijangka penghasilan buku ini yang ditulis oleh para penyelidik Nuklear Malaysia akan diterbitkan pada tahun 2016.

- Sebagai pusat khidmat yang mendapat ISO 9001:2008, pusat latihan telah mengambil langkah untuk peralihan kepada ISO 9001:2015 melalui siri bengkel pertama terhadap pemahaman dan kesedaran terhadap ISO dan pengimplementasian yang dijalankan selama 2 hari.

- Bengkel EnT -.Bengkel *Establishing National Strategy on Education and Training in Radiation,Transport and Waste Safety* yang melibatkan wakil Nuklear Malaysia, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti untuk merangka polisi dan strategi kebangsaan terhadap pendidikan dan latihan dalam keselamatan sinaran.

- Mengadakan Bengkel Melatih Tenaga Pengajar sebagai persediaan bagi Program *Master Science (Radiation Science)* yang akan bermula pada September 2016.

9.12) Training Center Activities

Training Center has conducted a series of workshops to strengthen the training programme such as:-

- WIM Workshop – To upgrade the teaching and learning materials for Industrial Radiography (Level 1) course in accordance with the requirements of the new NOSS under the Skills Development Department.

- Case Studies Book Workshop - This book is a series of publications of materials collected case studies that can be used for variety of teaching methods. Written by researchers in Nuklear Malaysia and expected to be published in 2016.

- Accredited to ISO 9001: 2008, Nuklear Malaysia training center has taken steps for the transition to ISO 9001: 2015 through the first series of two days workshop in understanding the requirement needed of the new version.

- EnT Workshop – Workshop in Establishing National Strategy on Education and Training in Radiation, Transport and Waste Safety, which involved representatives of the Nuklear Malaysia, Atomic Energy Licensing Board, Ministry of Health and University are to formulate policy and national strategy on education and training in radiation safety.

- Workshop in Training the Trainers for the Master of Science (Radiation Science) Programme which will begin in September 2016.

.....10 KHIDMAT KEJURUTERAAN & TEKNIKAL

Matlamat organisasi yang berorientasikan penyelidikan adalah untuk mengeluarkan hasil penyelidikan yang berimpak tinggi. Peralatan penyelidikan dan sistem sokongan serta instrumen bertujuan menjaga keselamatan fizikal adalah antara komponen penting bagi mencapai matlamat tersebut. Peralatan penyelidikan yang digunakan mestilah boleh dipercayai dan terkini. Kemudahan makmal, utiliti, komunikasi dan infrastruktur ICT adalah sebagai pemangkin turut membantu organisasi mencapai matlamat tersebut. Peralatan khusus untuk tujuan keselamatan fizikal adalah perlu bagi memastikan keselamatan fizikal sentiasa terjamin. Perkhidmatan Teknikal telah dirancang dan dilaksanakan bagi mempastikan prestasi, ketersediaan dan kebolehharapan bagi peralatan penyelidikan, peralatan keselamatan dan sistem sokongan berada pada tahap yang optima. Program ini memperoleh pencapaian purata melebihi 90% sepertimana ditunjukkan oleh rajah 10.1.

ENGINEERING & TECHNICAL SERVICES

The main goal of organisation based on research oriented is to produce high-impact research results. Research equipment, support systems with instruments for the purpose of physical security are crucial components in achieving the goal. Research equipment used must be reliable and up to date. Laboratory facilities, utilities, communications and ICT infrastructure are the catalyst to help the organisation achieve its goals. Special equipment for the physical security is needed to ensure the physical protection. Technical services has been designed and implemented to ensure the performance, availability and reliability for all research instruments at optimal levels. This program has achieved its goal with averaged above 90% as shown in the figure 10.1.



Rajah 10.1: Petunjuk prestasi utama (KPI) bagi Program SKT 3 bagi Perkhidmatan Teknikal tahun 2015
Figure 10.1: Key performance indicators (KPI) under Program SKT3 for Technical Services in 2015.

10.1) Aktiviti Pembangunan Fizikal dan Bukan Fizikal

Pembangunan fizikal adalah pembinaan prasarana penyelidikan yang baru dan menaiktaraf kemudahan sedia ada melibatkan kerja awam, elektrikal dan mekanikal. Pembangunan bukan fizikal pula termasuk perolehan aset dan perkhidmatan. Aktiviti pembangunan fizikal dan bukan fizikal di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), One-Off dan Harta Modal. Pembangunan fizikal telah membelanjakan sebanyak RM1.96 juta. Sementara pembangunan bukan fizikal membelanjakan sejumlah RM2.36 juta.

(a) Pembangunan fizikal

- Pagar perimeter bersekuriti tinggi
- Kolam penyimpanan bahan api nuklear terpakai dan menaiktaraf sistem penyejukan sekunder RTP
- Pendawaian elektrik Blok 20
- Menaiktaraf sistem keselamatan reaktor

10.1) Physical and Non-Physical Development Activities

In an effort to enhance the competencies, capabilities and confidence of researchers to be an expert in the field of nuclear science and technology, Nuclear Malaysia provides various channels and opportunities to continue their studies at the masters and doctorate post-graduate levels through the formal training programs. This formal training program implemented through the various sponsorships such as the Federal Training Reward (HLP) by the Malaysian Public Service Department (JPA); In-Service Training program (LDP) by MOSTI; scholarship of the Majlis Amanah Rakyat Malaysia (MARA); scholarship by the KEPCO International Nuclear Graduate School (K-INGS), Republic of Korea; scholarship by the Tokyo Institute of Technology (TITECH), Japan. In addition there are also officers who are self-funded by utilising the Fully Paid Study Leave Without Scholarship facility. Figure14.4 shows the number of officers attending formal training by category of sponsorships for the year 2015.



Rajah 14.4: Pengajian Latihan Formal 2015 mengikut Tajaan
Figure14.4: Formal Training Studies 2015 by Sponsorship

Seramai 84 pegawai mengikuti pengajian lanjutan bagi tahun 2015 dengan pengagihan 42 pegawai di peringkat sarjana dan 42 pegawai di peringkat doktor falsafah. Selaras dengan aplikasi teknologi nuklear yang meliputi pelbagai aspek kehidupan, bidang-bidang pengajian yang diikuti pegawai pula mencakupi pelbagai bidang sains, teknologi dan kejuruteraan yang luas. Kepelbagaian bidang pengajian mengikut peringkat pengajian ditunjukkan di dalam Jadual 14.2.

A total of 84 officers undergo their further studies for the year 2015 with the distribution of 42 officers at the masters level and 42 officers at the doctorate level. In accordance with the application of nuclear technology which covers many aspects of life, the fields of study undertaken by the officers encompass various fields of science, technology and engineering areas. The diversity fields of these studies by level of study are shown in Table 14.2.

Jadual 14.2: Bidang Pengajian Latihan Formal bagi Tahun 2015
Table 14.2: Field of Study of Formal Training for the year 2015

Bidang Pengajian / Field of Study	**Doktor Falsafah / PhD**	**Sarjana / Master**	**Jumlah Pegawai/ Number of Officers**
Sains & Kejuruteraan Nuklear / Nuclear Science & Engineering	4	5	9
Sains Fizik & Fizik Gunaan / Physics & Applied Physics	3	4	7
Bidang Pengajian / Field of Study	Doktor Falsafah / PhD	Sarjana / Master	Jumlah Pegawai/ Number of Officers
Sains Bahan / Material Science	5	1	6
Kejuruteraan Bahan / Material Engineering	5		5
Kejuruteraan Kimia / Chemical Engineering	3	2	5
Kejuruteraan Mekanikal / Mechanical Engineering	1	4	5

Sains Komputer & Teknologi Maklumat / Computer Science & IT	1	4	5
Geologi / Geology	2	2	4
Kejuruteraan Elektrik, Elektronik, Sistem / Electrical, Electronic, System Engineering	2	2	4
Kejuruteraan Alam Sekitar / Environmental Engineering	1	2	3
Kejuruteraan Polimer / Polymer Engineering	3		3
Keselamatan Sinaran / Radiation Safety		3	3
Pengurusan Teknologi Nuklear / Nuclear Technology Management	1	2	3
Sains Kimia / Chemical Science	2	1	3
Sains Sosial / Social Science		3	3
Sains & Pengurusan Industri / Industrial Science & Management	2	1	3
Bioteknologi / Biotechnology	1	1	2
Fizik Nuklear / Nuclear Physics	2		2
Kejuruteraan Awam / Civil Engineering		2	2
Pengurusan Sisa Radioaktif / Radioactive Waste Management	1	1	2
Sains Sekitaran / Environmental Science	1	1	2
Fizik Perubatan / Medical Physics	1		1
Instrumentasi / Instrumentation		1	1
Sains Perubatan / Medical Science	1		1
Jumlah / Total	42	42	84

Dengan terlaksananya aktiviti-aktiviti pembangunan modal insan, Nuklear Malaysia juga dapat membangunkan kepakaran pegawai dalam bidang sains dan teknologi nuklear. Sehingga Disember 2015, seramai 282 orang pegawai telah menyumbangkan khidmat kepakaran mereka melalui 1011 aktiviti. Aktiviti kepakaran yang diberikan meliputi khidmat sebagai pakar, konsultan, panel penilai, pewasit, pemeriksa luar, juruaudit, editor, pensyarah, penceramah dan

With the implementation of the activities of human capital development, Nuklear Malaysia also able to develop personnel expertise in the field of nuclear science and technology. As of December 2015, a total of 282 officers had contributed their expertise through 1011 activities. These activities are comprising of the serving as an expert, consultant, evaluation panel, referee, external examiner, editor, auditor, lecturer, speaker and also co-supervisor for the student of doctorate, master's, bachelor and

penyelia bersama bagi pelajar peringkat doktor falsafah, sarjana, sarjana muda serta diploma. rajah 14.5 menunjukkan bilangan pegawai Nuklear Malaysia yang menyumbang khidmat kepakaran mengikut peranan aktiviti.

diploma program. Figure 14.5 shows the number of officers of Nuklear Malaysia that contributing expertise by the role of activities.



Rajah 14.5: Bilangan Pegawai Nuklear Malaysia yang Memberi Khidmat Kepakaran Mengikut Aktiviti bagi Tahun 2015
Figure 14.5: Number of Nuklear Malaysia Officers Delivering Expert Services by Activity for the Year 2015

Selain daripada tugas untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran warga Nuklear Malaysia, agensi juga bertanggungjawab untuk melatih para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam bidang sains dan teknologi nuklear. Kepelbagaian aktiviti R&D dalam bidang sains dan teknologi nuklear serta teknologi yang berkaitan menjadikan Nuklear Malaysia sebagai pilihan popular bagi pelajar IPT untuk menjalani latihan industri, projek tahun akhir dan kajian penyelidikan secara bersama di agensi ini.

Namun begitu, disebabkan oleh keupayaan sumber yang terhad, daripada 702 permohonan yang diterima pada tahun 2015, hanya 368 pelajar berjaya ditempatkan di 13 bahagian atau unit di Nuklear Malaysia. Daripada 368 orang pelajar tersebut, enam pelajar mengikuti pengajian di peringkat doktor falsafah; 19 pelajar sarjana; 307 pelajar sarjana muda; 35 pelajar diploma; manakala seorang pelajar di peringkat sijil. Bilangan pelajar latihan industri dan kajian penyelidikan bagi tahun 2015 ditunjukkan di dalam Jadual 14.4 manakala penempatan pelajar mengikut bahagian atau unit ditunjukkan di dalam Rajah 14.5.

Apart from enhancement of skills and the expertise of employee in Nuklear Malaysia, the agency is also responsible for training the students of institutions of higher learning (HLI) in the field of nuclear science and technology. The diversity of the R & D activities in the field of nuclear science and technology as well as related technologies has made Nuklear Malaysia as a popular option for the university students to undertake their industrial training, final year projects or collaborative research studies at this agency.

However, due to the limited resources capability, out of a total 702 applications received in 2015, only 368 students are successfully placed in 13 divisions or units at Nuklear Malaysia. Out of these 368 students, six students pursued their study at doctorate level; 19 students at master level; 307 students at undergraduate level; 35 students at diploma level; while one student at certificate level. The number of industrial training and research studies students for the year 2015 are shown in Table 14.4, while the placement of students by division or unit are shown in Figure 14.5

Jadual 14.3: Bilangan Pelajar Latihan Industri dan Kajian Penyelidikan mengikut IPT dan Peringkat Pengajian bagi Tahun 2015
Table 14.3: Number of Industrial Training and Research Studies Students by Higher Learning Insitutions and Level of Education for Year 2015

UiTM	1		87	7		95
Institusi Institution	**Doktor Falsafah PhD**	**Sarjana MSc**	**Sarjana Muda BSc**	**Diploma Diploma**	**Sijil Certificate**	**Jumlah Total**
UPM	1	2	50			53
UTM	2	2	38			42
UKM		7	20			27
USM			16			16
UniMAP	1		11	1		13
UMT			11			11
UPSI				8		8
UMS			7			7
UMP			4	3		7
UM			6			6
USIM			6			6
UPNM			5			5
UNIMAS			3			3
UTHM			3			3
UMK			2			2
UIAM		1	1			2
Lain-lain IPT / Others HLI	1	7	37	16	1	62
Jumlah / Total	**6**	**19**	**307**	**35**	**1**	**368**



Rajah 14.6: Penempatan Pelajar mengikut Bahagian/Unit dan Jenis Latihan
Figure 14.6: Placement of Students by Division/Unit and Type of Training

14.3) Pengurusan Maklumat

14.3.1) Pengurusan Maklumat

Nuklear Malaysia sedang mengadakan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi melaksanakan Program Penerbitan Buku Berkelompok Sains Nuklear. Di bawah program ini, pihak DBP menerbitkan buku-buku yang ditulis oleh pegawai penyelidik di agensi ini. Program seumpama ini bermatlamat untuk mewujudkan budaya menulis buku ilmiah dengan menggunakan data yang terkumpul daripada aktiviti penyelidikan

Malah, progarm ini dilaksanakan untuk memperluaskan kemahiran dan teknik penulisan yang lebih berkualiti. Dalam masa yang sama, agensi ini juga telah mengambil beberapa inisiatif lain seperti mengadakan bengkel penulisan buku untuk penulis-penulis. Aspek sebegini dapat dilihat sebagai satu langkah untuk memberikan pendedahan dan panduan kepada penulis-penulis mengenai cara penulisan ilmiah di samping menyuntik keyakinan serta semangat kepada pegawai penyelidik untuk menulis buku berdasarkan kepakaran masing-masing.

14.3) Information Management

14.3.1) Information Management

Nuklear Malaysia is collaborating with Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) to implement the Group Nuclear Science Book Publishing Programme. Under this programme, DBP publishes books written by research officers of this agency. Such programs aim to create a culture of writing scientific books using the data which are collected from research activities.

Indeed, this programme is implemented to expand the skills and techniques of writing for a better quality. At the same time, the agency has also taken several other initiatives such as conducting book writing workshop for the authors. This aspect can be seen as a step to provide exposure and guidance to the authors about scientific writing technique besides increasing the confidence and spirit to research officers to write books based on their respective expertise.

Foto 14.6: Bengkel Pemurnian dan Editorial Buku-buku Sains Nuklear di Hotel Avilion Legacy, Melaka
Photo 14.6: Workshop on Editing and and Nuclear Science Books Editorial in Avilion Legacy Hotel, Malacca

Pada tahun 2015, Nuklear Malaysia dengan kerjasama DBP telah berjaya menganjurkan Bengkel Pemurnian dan Editorial Buku-buku Sains Nuklear di Hotel Avilion Legacy, Melaka. Bengkel ini adalah sebagai landasan untuk memperluaskan kemahiran dan teknik penulisan di kalangan pegawai penyelidik di samping memperoleh manuskrip buku yang berkualiti.

In 2015, Nuclear Malaysia in collaboration with DBP has successfully organized Workshop on Editing and Nuklear Science Books Editorial in Avilion Legacy Hotel, Malacca. This workshop is a platform to expand writing tskills and techniques writing among a research officers in obtaining a quality book manuscript.

Foto 14.7: Perkongsian Idea dan Teknik Menulis oleh Penceramah dari DBP
Photo 14.7: Sharing Idea and Writing Techniques by Speakers from DBP

Dalam usaha memantapkan bidang penulisan saintifik, Nuklear Malaysia telah memainkan peranan dengan menganjurkan Bengkel Penulisan dan Penerbitan Ilmiah. Bengkel yang diadakan sebanyak dua siri iaitu pada bulan Jun dan September ini di Nuklear Malaysia, bermatlamat untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam kalangan pegawai penyelidik dalam bidang penulisan.

In order to strengthen the scientific writing, Nukear Malaysia has been instrumental in organizing Workshop on Scientific Writing and Publishing. The workshop was held in two series namely, in June and September at Nuklear Malaysia and aims to unearth new talents among researchers in the field of writing.

Foto 14.8: Bengkel Penulisan dan Penerbitan Ilmiah di Nuklear Malaysia
Photo 14.8: Book Writing Workshop at Nuklear Malaysia

Selain itu, penerbitan merupakan salah satu output utama penyelidikan dan pembangunan yang merupakan aktiviti teras Nuklear Malaysia. Sehubungan dengan ini, Agensi ini sentiasa membuat pengumpulan dan pendokumentasian kesemua bahan penerbitan teknikal dan bukan teknikal yang dihasilkan oleh para penyelidik. Pada tahun 2015, sebanyak 702 penerbitan kebangsaan dan antarabangsa telah diterima dari para penyelidik. Ini tidak termasuk buku, laporan dan majalah yang diterbikan oleh pusat penerbitan Nuklear Malaysia. Antara penerbitan yang berjaya dihasilkan oleh Pusat Penerbitan Nuklear Malaysia adalah Warta Nuklear Malaysia, Nada Nuklear, Nuklear Malaysia in the News 2015, Laporan Tahunan 2014 dan buku-buku seperti ditunjukkan di Jadual 14.4.

Besides that, publication is one of the main outputs of research and development which is a core activity of Nuklear Malaysia. In this regard, the Agency is constantly compiles and documents of all the technical and non-technical publications produced by researchers. In 2015, a total of 702 national and international publications have been received from the researchers. This does not include books, reports and magazines issued by Nuklear Malaysia Publication Centre. Among the publications that successfully produced by Nuclear Malaysia Publication Centre are Warta Nuklear Malaysia, Nada Nuklear, Nuklear Malaysia in the News 2015, Annual Report 2014 and books as shown in Table 14.4.

Jadual 14.4: Senarai Buku 2015
Table 14.4: List of Book 2015

Bil./Num.	Tajuk / Title
1	Transformasi Industri Gaharu Malaysia melalui Sains, Teknologi dan Inovasi.
2	Pemetaan Keradioaktifan Marin Semenanjung Malaysia
3	Sinaran Keradioaktifan Alam Sekitar
4	Ujian Tanpa Musnah (UTM) Terhadap Konkrit Struktur
5	*Transforming Malaysian Gaharu Industry with Science, Technology and Innovation*
6	Bahan Radioaktif Tabii dan Manusia
7	Pemprosesan Sinaran Bagi Adunan Polimer Polivinil Klorida dan Getah Terepoksida

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah diberi peruntukkan sebanyak RM 1.32 juta di bawah RMK10 untuk menjalankan Program Pemantapan Pengurusan Pengetahuan Nuklear (NKM) bagi memenuhi keperluan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Program NKM dilaksanakan bagi memastikan misi untuk menjadi Pusat Rujukan

2015, Information Management Division (BPM) receive on allocation of RM 1.32 million under the RMK10 to run Enhancement Programme of Nuclear Knowledge Management (NKM) to meet the requirements of the International Atomic Energy Agency (IAEA). NKM programme conducted to ensure that the mission to be the National

Nuklear Kebangsaan *(nuclear one-stop centre)* yang menyediakan berbagai koleksi dan maklumat mengenai aktiviti penyelidikan nuklear tercapai. Faktor-faktor seperti pengurusan pengetahuan nuklear yang kompleks, kos yang tinggi, jangka hayat bahan yang lama, dan pembangunan teknologi yang pesat telah mendorong Nuklear Malaysia untuk melaksanakan program ini.

Reference Centre for Nuclear (nuclear one-stop centre that provides a wide range of collections and information regarding the activities of nuclear research is achieved. Factors such as a complex nuclear knowledge management, high cost, long lifespan of materials, and rapid technology development has prompted the Nuklear Malaysia to implement this program.

Foto 14.9: Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU
Photo 14.9: Signing of Memorandum of Understanding (MoU)

Nuklear Malaysia juga mengambil inisiatif untuk membuat Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2015. Nuklear Malaysia dan DBP telah bersetuju bahawa kerjasama dan usaha sama ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Bagi mencapai objektif memorandum ini, kedua-dua pihak akan bekerjasama dan berusaha atas dasar kepentingan bersama bagi memastikan semua aspek tercapai khususnya dalam lingkungan undang-undang, perlembagaan, peraturan-peraturan atau dasar masing-masing.

Dalam memorandum ini juga, kedua-dua pihak tertakluk kepada terma-terma di dalam perjanjian ini dan bersetuju untuk mengadakan hubungan

Nuklear Malaysia also took the initiative to create a Memorandum of Understanding (MoU) with Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) in 2015. Nuklear Malaysia and DBP was agreed this cooperation and collaboration will be beneficial to both parties. To achieve the objectives of this memorandum, these two parties will cooperate and work on the basis of mutual interest to ensure that all aspects, particularly in law, the constitution, regulations or policies will be achieved

In this memorandum, both parties are subject to the terms of this agreement and agreed to cooperate in the field of research, education, training and publications. Both parties have also agreed in sharing and exchanging necessary information and produce publications related to the sciences,

dan kerjasama dalam bidang penyelidikan, pendidikan latihan dan penerbitan. Kedua-dua pihak juga telah bersetuju untuk saling berkongsi dan bertukar-tukar maklumat yang diperlukan dan menghasilkan penerbitan yang berkaitan dengan bidang sains, sains sosial, kemanusiaan serta bidang-bidang lain mengikut undang-undang yang diguna pakai di Malaysia.

social sciences, humanities and other fields in accordance with the laws applicable in Malaysia.



Foto 14.10: Jurnal Sains Nuklear Malaysia (EJSNM)
Photo 14.10: Nuklear Malaysia Science Journal

Foto 14.11: Nada Nuklear Malaysia
Photo 14.11: Nada Nuklear Malaysia



Foto 14.12: Nuclear Malaysia in the News 2015
Photo 14.12: Nuclear Malaysia in the News 2015



Foto 14.13: Laporan Tahunan
Photo 14.13: Annual Report

Foto 14,14; Warta Nuklear
Photo 14.14: Nuclear Magazine

Nuklear Malaysia juga terlibat dalam Sistem Maklumat Nuklear Antarabangsa (INIS). Jumlah bahan INIS yang terkumpul adalah sebanyak 550 input. Selain daripada itu, input bahan berteks penuh Sastera Bukan Konvensional (NCL) pula adalah sebanyak 230 bahan dalam sistem perpustakaan Nuklear Malaysia.

Sementara itu, INIS turut dipromosikan di institusi pengajian tinggi (IPT) dan institusi penyelidikan di Malaysia. Kempen INIS telah dilakukan di beberapa buah IPT seperti di Universiti Malaysia Sarawak (UNiMAS), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sementara itu, Perkhidmatan Penyebaran Maklumat Terpilih (SDI) pula terkumpul sebanyak 1000 input.

Nuklear Malaysia also participates in International Nuclear Information System (INIS). Total number of accumulated INIS input was 550. In addition, for Non Conventional Literature (NCL), a total of 230 full-text material input was recorded at Nuclear Malaysia's library system.

Besides that, INIS is also promoted in the institutions of higher learning (IHL) and research institutes in Malaysia. INIS campaign was conducted at several IHL such as Universiti Malaysia Sarawak (UNiMAS), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), and National University of Malaysia (UKM). Meanwhile, Selective Information Dissemination Service (SDI) is also accumulated by 1000 input.

14.3.2) Program Penggalakan Sains

Selain itu, Nuklear Malaysia bergiat secara aktif dalam pameran kesedaran awam di peringkat sekolah. Bagi tujuan tersebut, pihak Nuklear Malaysia telah menganjurkan 25 pameran kesedaran awam di beberapa buah sekolah yang terpilih di seluruh Malaysia. Sementara itu, Nuklear Malaysia telah melaksanakan tiga Program Penggalakan Sains MOSTI iaitu, tiga sesi Program Perkhemahan Nuklear 3V (Veni,Vidi,Vici), Jelajah Ikon Saintis(JIS) dan *Nuclear Science & Technology for Secondary Schools (NST4SS).*

Perkhemahan tiga hari dua malam bertempat di Danau Nuklear Malaysia telah dianjurkan untuk pelaksanaan aktitiviti Program 3V. Menerusi program ini, ianya memberi peluang kepada pelajar dan guru sains untuk mengenali sains dan teknologi nuklear serta aplikasinya dalam kehidupan seharian. Perkhemahan informatif ini menggabungkan pelbagai aktiviti seperti pertandingan mengukur tahap radiasi dan sebagainya. Pelajar juga diberi peluang untuk bertemu dengan saintis nuklear dan melawat kemudahan penyelidikan yang ada di Nuklear Malaysia. Adalah diharapkan program ini secara tidak langsung akan menyemai minat dan membuka minda pelajar untuk menceburi kerjaya di bidang Sains dan Teknologi.

14.3.2) Science Encouragement Programme

Additionally, Nuklear Malaysia actively participates in public awareness exhibitions at school level. For this purpose, Nuklear Malaysia has organised 25 public awareness exhibitions in some selected schools throughout Malaysia. Meanwhile , Nuclear Malaysia has conducted three MOSTI's Science Encouragement Programme, namely ; three sessions of 3V Nuclear Camp (Veni, Vidi, Vici), Jelajah Ikon Saintis (JIS) and Nuclear Science & Technology for Secondary Schools (NST4SS).

A three days and two night camping at Danau Nuklear Malaysia was organised for the implementention of 3V programme activities. Through this programme, it provides an opportunity for science teachers and students to know nuclear science and technology and its application in everyday life. This informative campaign combines various activities such as competitions to measure radiation levels and so on. Students were also given opportunity to meet nuclear scientists and visit the research facilities available in Nuklear Malaysia. It is hoped that, this programme will indirectly nurture interest and open student's mind to embark on careers in the field of Science and Technology.

Jadual 14.5: Kalendar Program 3V
Table 14.5: 3V Programme Calendar

Sesi / Session	Tarikh / Date
Sesi 1/ Session 1	7 - 9 Jun 2015/ 7 - 9 June 2015
Sesi 2/ Session 2	20 - 22 September/ 20 - 22 September 2015

Foto 14.15: Aktiviti-aktiviti Program 3V yang Melibatkan Pelajar
Photo 14.15: 3V Programme Activities that Involving Students

Foto 14.16: Program Veni,Vidi,Vici
Photo 14.16: Veni,Vidi,Vici Programme

Nuklear Malaysia bersama MOSTI telah menganjurkan sesi perkongsian ilmu antara saintis terpilih dan pelajar sekolah menengah melalui program JIS. Program JIS bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang kerjaya dan kejayaan saintis dengan hasrat meningkatkan minat pelajar dalam bidang sains dan teknologi. Sesi jelajah ikon saintis ini menyediakan peluang yang unik kepada pelajar-pelajar untuk mendapat inspirasi daripada saintis yang terpilih.

Semasa program JIS ini, dua orang ikon saintis daripada bidang-bidang yang berbeza dibawa ke sekolah-sekolah yang terpilih. Ikon saintis berkenaan

Nuklear Malaysia together with MOSTI has organized knowledge sharing sessions between selected scientists and secondary school students through the JIS programme. JIS programme aims at providing exposure to e students about the career and successes of scientists with the intention to increase students' interest in science and technology. These scientist icon sessions provides a unique opportunity for students to gain inspiration from the selected scientists.

During this JIS programme, two scientists icon from different disciplines were brought to the selected

akan berkongsi penyelidikan, pengetahuan dan pengalaman mereka dengan pelajar untuk menanam minat pelajar agar memilih bidang sains sebagai kerjaya mereka pada masa hadapan. Perkongsian ilmu ini juga akan membantu guru-guru sains untuk mengetahui perkembangan sains dan teknologi terkini.

schools. The scientists will be sharing their research, knowledge and experience with students to cultivate students interest to choose science as their career in the future. This knowledge sharing will also help science teachers to learn about the latestdevelopment in science and technology.

Foto 14.17: Program Jelajah Ikon Saintis
Photo 14.17: JIS Programme

Jadual 14.6: Senarai Ikon Saintis
Table 14.6: List of Scientist Icon

Nama / Name	Bahagian/Fakulti Division/Faculty	Agensi / Agency
1. Dr. Mohamad Nazri Bin Abdul Halif	Matematik Kejuruteraan / Mathematic Engineering	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
2. Dr. Azahari Bin Kasbollah	Teknologi Perubatan / Medical Technology	Nuklear Malaysia
3. Dr. Wee Boon Siong	Sains & Teknologi / Science & Technology	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
4. Dr. Siti Najila Binti Mohd Najib	Teknologi Perubatan / Medical Technology	Nuklear Malaysia
5. Dr. Mohd Hasbi Bin Ab. Rahim	Sains Industri / Industry Science	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
6. Dr. Khairul Anuar Bin Mohd Salleh	Teknologi Industri / Industry Technology	Nuklear Malaysia

14.3.3) Pengurusan Pengetahuan (KM)

Pengurusan Pengetahuan (KM) adalah satu elemen yang terpenting kepada agensi ini yang di beri perhatian utama. Bagi memantapkan lagi KM di agensi ini, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kakitangan Nuklear Malaysia mengenai pentingnya menerapkan nilai KM dalam urusan kerja seharian atau organisasi.

14.3.3) Knowledge Management (KM)

Knowledge Management(KM) is one of the most important element of this agency that given primary emphasis. In order to strengthen the KM of this agency, various activities have been implemented during 2015. The activities carried out are intended at providing exposure to to all staff of Nuklear Malaysia about the importance of implementing KM in managing daily work or organisation.

Tambahan lagi, penerapan nilai KM ini akan memberikan pemahaman lebih baik kepada kakitangan mengenai pengetahuan asas dalam aspek pengurusan pengetahuan dan perkongsian amalan terbaik yang dipraktikkan oleh beberapa bahagian di agensi ini. Antara aktiviti yang telah dijayakan sepanjang tahun 2015 adalah *Pilot Project NST4SS* serta lawatan KM ke Arkib Negara dan Petronas, KLCC.

In addition, the implementation of the KM values will provide better understanding on basic knowledge in KM aspect and sharing the best practices by several divisions in this agency. Among activities implemented during 2015 were Pilot Project NST4SS as well as KM visit to National Archives and Petronas, KLCC.

Foto 14.18: Pilot Project NST4SS
Photo 14.18: Pilot Project NST4SS

Foto 14.19: Lawatan KM ke Arkib Negara
Photo 14.19: KM Visit to National Archives

Foto 14.20: Lawatan KM ke Petronas, KLCC
Photo 14.20: KM Visit to Petronas, KLCC

14.4) Pengurusan Korporat

14.4.1) Pemantapan Imej Agensi

Seperti tahun-tahun terdahulu, pada tahun 2015 pelbagai aktiviti peningkatan imej organisasi telah dilaksanakan. Aktiviti ini termasuklah menganjurkan program seperti lawatan ke Nuklear Malaysia, publisiti media, pameran, menjalankan soalselidik dan hebahan berita melalui laman web serta media sosial. Aktiviti sedemikian dilaksanakan untuk mempromosikan output R&D dan perkhidmatan Nuklear Malaysia kepada umum di samping meningkatkan visibiliti dan penerimaan awam terhadap teknologi nuklear.

14.4) Corporate Management

14.4.1) Organisational Image Enhancement

Similar to previous years, various image enhancement activities were implemented in the year 2015. These activities include organizing programs such as visits to Nuklear Malaysia, media publicity, exhibitions conducting questionnaires and announcement of news through websites as well as social media. Such activities were implemented in order to promote the Nuklear Malaysia's R&D ouput and services to the public while enhancing the visibility and public acceptance of nuclear technology.

Jadual 14.7: Aktiviti Pemantapan Imej 2015
Table: 14.7: Image Enhancement Activities in 2015

Aktiviti Activities	Bilangan Number
Lawatan ke Nuklear Malaysia Visits to Nuklear Malaysia	3927 pelawat (105 lawatan) 3927 visitors (105 visits)
Berita laman web Nuklear Malaysia Nuklear Malaysia website news	55 e-berita 55 e-news
Publisiti media Media Publicity	115 liputan 115 coverages

KOMUNIKASI KORPORAT

14.4.2) Publisiti Media

Publisiti media merupakan platform yang penting bagi peningkatan imej korporat Nuklear Malaysia. Penyebaran pelbagai informasi berkaitan Agensi ini juga dilakukan melalui kolum jaringan maklumat seperti media massa dan media sosial. Kaedah ini diamalkan sebagai salah satu alternatif untuk merapatkan masyarakat umum dengan agensi ini.

CORPORATE COMMUNICATION

14.4.2) Media Coverage

Media publicity is an important platform for enhancing the corporate image of Nuklear Malaysia. Dissemination of various information related to this Agency is implemented through information network columns such as mass media and social media. This method is practiced as an alternative to bridge the public with this agency'.



Rajah 14.7: Liputan Media Sepanjang tahun 2015
Figure 14.7: Media Coverages throughout 2015

Jadual 14.8: Publisiti Media 2015
Table: 14.8: Media Publicity 2015

PUBLISITI MEDIA 2015	MEDIA PUBLICITY 2015
Program Media bertemu pakar - Temuramah media bersama pakar Nuklear Malaysia boleh mengenengahkan produk R&D yang telah mereka hasilkan. Program ini akan memberi impak positif terhadap Teknologi Nuklear di Malaysia.	Media meet experts Program – Interviews Nuclear Malaysia's experts with the media can highlight their R&D products. This program will have a positive impact on Nuclear Technology in Malaysia.
6.4.2015 – Manfaatkan Teknologi Nuklear - Temuramah Utusan Malaysia bersama pemenang Malaysia Technology Expo (MTE) anjuran MARS.	**6.4.2015** – Take Advantage of Nuclear Technology Utusan Malaysia interview with the winners of the Malaysia Technology Expo (MTE) organized by the MARS
4.7.2015 - Sisa bijih timah boleh jana tenaga nuklear. - Temuramah Berita Harian bersama Dr. Muhd Noor bin Muhd Yunus.	**4.7.2015** - Waste tin can generate nuclear energy - Utusan Malaysia interviews with Dr. Muhd Noor bin Muhd Yunus.
10.8.2015 - Diagnosis Pokok Bernilai / Cari Gaharu Guna Nuklear. - Temuramah Utusan Malaysia bersama Dr. Jaafar Abdullah.	**10.8.2015** - Diagnosis Valuable Trees / Find agarwood using Nuclear – Utusan Malaysia interviews with Dr. Jaafar Abdullah
14.9.2015 - Pokok Mutan : Nuklear Malaysia Berjaya menggunakan teknologi sinaran gama menghasilkan benih pokok baharu - Temuramah Utusan Malaysia bersama Dr. Sobri Hussein.	**14.9.2015** - Mutant Trees : Nuklear Malaysia successfully using gamma ray technology to produce a new tree seedlings - Utusan Malaysia interviews with Dr. Sobri Husseins
30.11.2015 - Kongsi dan Komersialkan Teknologi Gaharu - Temuramah Utusan Malaysia bersama Chong Saw Peng	**30.11.2015** - Share and commercialize Agarwood Technology - Utusan Malaysia interviews with Chong Saw Peng
28.12.2015 - Rawatan Nuklear : Rawat Penyakit Lebih Berkesan - Temuramah Utusan Malaysia bersama Dr. Azahari Kasbollah	**28.12.2015** - Nuclear Treatment : Treat Disease More Effectively - Utusan Malaysia interviews with Dr. Azahari Kasbollah

Foto 14.21: Nuklear Malaysia dalam Rancangan Agro Jurnal RTM TV1
Photo 14.21: Nuklear Malaysia in RTM TV1 Agro Jurnal Programme

Foto 14.22: Temubual Khas Berita Nasional RTM Bersama Ybhg. Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri, Ketua Pengarah Nuklear Malaysia dari PWTC Kuala Lumpur.
Photo 14.22: Special interview by RTM National News with Ybhg. Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri, Director General Nuklear Malaysia from PWTC Kuala Lumpur

Foto 14.23: Ybhg. Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri, Ketua Pengarah Nuklear Malaysia dalam Selamat Pagi Malaysia untuk Topik "Keperluan Melahirkan Saintis 2020"
Photo 14.23: Ybhg. Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri, Director General Nuklear Malaysia in Selamat Pagi Malaysia for a Topic of "Requirements to Produce a Scientist 2020"

MUHD Noor menyampaikan cenderahati kepada penceramah pada Seminar Penulisan dan Penerbitan Saintifik di Melaka, semalam.

Janakuasa nuklear dalam penilaian

Melaka: Belum ada kata pu-tus pelaksanaan mengenai janakuasa elektrik menggu-nakan tenaga nuklear men-jelang 2026 dan Agensi Nuk-lear Malaysia (Nuklear Ma-laysia) dilaporkan masih menunggu kelulusan dari Pada kerajaan.

Timbalan Ketua Penga-rahnya Muhd Noor Mohd Yunus berkata, keputusan itu bergantung kepada ka-jian dilakukan pihak Malay-sia Nuclear Power Corpo-ration (MNPC).

"Biasanya kajian sebegini mengambil masa tidak ku-rang dari 10 hingga 15 tahun. "Apabila kajian itu siap kelak dan Parlimen tidak meluluskannya, maka kita tidak boleh meneruskan projek terbabit kerana pra-syarat yang sudah ditetap-kan perlu mendapat kelu-lusan Parlimen," katanya ketika ditemui pada sidang media selepas Seminar Pe-nulisan dan Penerbitan Saintifik, semalam.

Seminar kali kesembilan itu anjuran bersama Nuklear Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Mala-ysian Radiation Protection Association (MARPA).

Bertemakan 'Menjunjung Hasil Karya' seminar itu di-adakan bagi memantapkan lagi karya saintifik karya-wan di samping membina profesionalisme dalam bi-dang penerbitan saintifik.

Muhd Noor berkata, pel-bagai faktor perlu diambil kira termasuk penempatan serta persekitaran sebelum rancangan itu dilaksanakan.

Kini, enam negara iaitu Russia, Jepun, Korea Selatan, Perancis, Kanada dan Ame-rika Syarikat mempunyai janakuasa nuklear.

Foto 14.24: Liputan akhbar Harian Metro bersempena dengan Majlis Perasmian Seminar Penulisan dan Penerbitan Saintifik 2015 di Hotel Hatten, Melaka
Photo 14.24: Media coverage of Harian Metro in conjunction with an Opening Ceremony of Writing and Scientific Publication 2015 at Hatten Hotel, Melaka

Foto 14.25: Temuramah Ybhg. Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri, Ketua Pengarah Nuklear Malaysia oleh Astro Awani bersempena Program Pelancaran Pusat Kecemerlangan Nuklear Malaysia – Proton

Photo 14.25: Interview of Ybhg. Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri, Director General Nuklear Malaysia by Astro Awani in conjunction with launching of Nuklear Malaysia Excellence Centre-Proton


R&D teknologi nuklear capai 10 peratus akhir tahun

Foto 14.26; Liputan akhbar Utusan Malaysia bersempena dengan Pelancaran Pusat Kecemerlangan Nuklear Malaysia – Proton

Photo 14.26: Media coverage of Utusan Malaysia in conjunction with a Launching of Nuklear Malaysia Excellence Centre-Proton

14.4.3 Program Promosi

Program Lawatan

Nuklear Malaysia sentiasa mengalu-alukan kehadiran masyarakat umum terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar untuk berkunjung ke agensi ini. Pelbagai program diwujudkan untuk menarik minat masyarakat ke agensi ini dalam usaha untuk menjadikan Nuklear Malaysia sebagai sebuah hub bagi ilmu sains nuklear. Pada tahun 2015, Nuklear Malaysia telah menerima seramai 3927 pelawat yang terdiri daripada penuntut universiti, pelajar sekolah serta pegawai dari badan berkanun, agensi dan sebagainya.

14.4.3 Promotional Programmes

Visiting Programme

Nuklear Malaysia always welcome the public, especially those living in rural areas to visit this agency. Various programs were created to attract people to the agency in an effort to make Nuklear Malaysia as a hub for nuclear science. In the year 2015, Nuklear Malaysia has received a total of 3927 visitors consisting of university students, school children as well as staff of statutory bodies, agencies and etc.



Rajah 14.8: Kategori Pelawat pada tahun 2015
Figure 14.8: Categories of Visitors in 2015

Foto 14.27: Lawatan daripada Tentera Darat Filipina
Photo 14.27: Visit from Philippines Army

Foto 14.28: Lawatan daripada Universiti Kuala Lumpur (UNiKL)
Photo 14.28: Visit from University of Kuala Lumpur (UNiKL)

Foto 14.29: Lawatan daripada Markas Tentera Darat
Photo 14.29: Visit from Army Headquarters

Foto 14.30: Lawatan daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia, Selangor Darul Ehsan
Photo 14.30: Visit from the Office of Malaysia Chief Security Officer, Selangor Darul Ehsan

14.5 Prestasi Kewangan

Nuklear Malaysia telah menerima peruntukan mengurus sejumlah RM81.13juta. Ini termasuk peruntukan dasar sedia ada sejumlah RM75.53 juta, dasar baru sejumlah RM3.09 juta dan one-off sejumlah RM2.51 juta.

Perbelanjaan peruntukan dasar sedia ada dasar baru dan one- off masing-masing telah mencatat 99.17%, 99.70% dan 93.95%. Perbelanjaan keseluruhan bagi peruntukan mengurus ini adalah sebanyak RM80.34 juta (99.03%)

Pada tahun 2015, RM7.36 juta telah diperuntukan untuk pembangunan dan ianya telah mencatat prestasi yang baik dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM7.34 juta (99.72%).

14.5 Financial Performance

Nuklear Malaysia received operating budget allocation with a total of RM81.13 million. This includes allocation of existing policy which amounts RM75.53 million, new policy which amounts RM3.09 million and one-off which amounts RM2.21 million.

The expenditure for existing policy, new policy and one-off allocations had recorded 99.17%, 99.70% and 93.95%, respectively. The overall expenditure for operating budget was RM80.34 million (99.03%).

In the year 2015, RM7.36 million was allocated for development and it has recorded good performance with a total expenditure of RM7.34 million (99.72%).

Jadual 14.9: Prestasi Kewangan
Table 14.9: Financial Performance

Bil./ No.	Sumber/ Source	Peruntukan (RM juta) Allocation (RMmillion)	Perbelanjaan(RM juta/ Expenditure (RM (million)	Peratus Perbelanjaan/ Expenditure (%)
1	Mengurus/ Operational a) Dasar Sedia Ada Existing Operating Budget	75.53	74.90	99.17
	b) Dasar Baru New Policy	3.09	3.08	99.70
	c) One-Off	2.50	2.36	93.95
2	Pembangunan Development	7.36	7.34	99.72



Rajah 14.9: Sumber Kewangan
Figure 14.9: Financial Source

.....15

SENARAI PENERBITAN
LIST OF PUBLICATIONS

JURNAL ANTARABANGSA 2015

A. Revil, A. Binley, Lakam Mejus and P. Kessouri. (2015). Predicting permeability from the characteristic relaxation time and intrinsic formation factor of complex conductivity spectra, Water Resources Research. 51, doi:10.1002/2015WR017074. 2015

Abdullah, Y., Husain, H., Che Hak, C. R., Alias, N. H., Yusof, M. R., Ab Kasim, N., Mat Zali, N. and Mohamed A. A. (2015). A short note on physical properties to irradiated nuclear fuel by means of X-ray diffraction and neutron scattering techniques, AIP Conference Proceedings 1659, 040010. doi: 10.1063/1.4916870

Abdullah, Y., Yusof, M. R., Mat Zali, N., Megat Ahmad, M. H. A. and Abdul Azam ,F. A. (2015). lattice strain, crystallite and microstructure studies of sic irradiated by electron beam, Advanced Materials Research, 1087 pp. 439-442.

Ahmad F., Hanafi M.M., Hakim M.A., Rafii M.Y.,.Arolu I.W. & Akmar Abdullah S.N. (2015). Genetic divergence and heritability of 42 coloured upland rice genotypes (Oryza Sativa) as revealed by microsatellites marker and agro-morphological traits, PLoS ONE 10(9). doi:10.1371/journal.pone.0138246 September 22, 2015

Ahmadreza Ashraf, Elias Saion, Elham Gharibshahi, Halimah Mohamed Kamari, Yap Chee Kong, Mohd Suhaimi Hamzah & Md Suhaimi Elias. (2015). Rare earth elements in core marine sediments of coastal East Malaysia by instrumental neutron activation analysis, Applied Radiation and Isotopes, 107 (2016), pp.17-23.

Aqilah Sapiee, Meor Yusoff M.S., Mahdi E.M danSiti Salwa Z.A. (2015), Study on indoor formaldehyde neutralization by using anatase and rutile nanotitania, Advanced Materials Research Vol. 1087(2015), pp. 443-446.

Arshad Naji A., Ahsan A.K., Anizan I., Mehdi F.A., Febri D., Azhar M., Wan Mohtar W.Y. & Che Radziah C.M.Z.. (2015). Application of inter simple sequence repeat (ISSR) for detecting genetic analysis in rice (Oryza Sativa L.), Journal of Pure and Applied Microbiology, Vol. 9(2), pp. 1091-1101.

Arshad Naji Alhasnawi, Ahsan A. Kadhimi, Anizan Isahak, Azhar Mohamad, Wan Mohtar Wan Yusoff & Che Radziah Che Mohd Zain. (2015). Exogenous application of ascorbic acid ameliorates detrimental effects of salt stress in rice (MRQ74 and MR269) seedlings, Asian Journal of Crop Science 7 (3), pp. 186-196.

Ashraf M. Saleh, Mansor Bin Ahmad, Nor Azowa Ibrahim, Khairul Zaman Hj. Dahlan, Rida Tajau, Mohd Hilmi Mahmood & Wan Md.Zin Wan Yunus. (2015). Synthesis of radiation curable palm oil-based epoxy acrylate: NMR and FTIR spectroscopic investigations. Molicules, 20, pp. 14191-1421, doi:103390/molecules200814191

Chantara Thevy Ratnam, Norazrini A. Ramlee, Sivanesan Appadu, Siti Maryam Manshor & Hanafi Ismail (2015). Preparation and electron beam irradiation of PVC/ENR/ CNTs nanocomposites. Polymer-Plastics Technology and Engineering, 54:2, pp.184-191. doi: 10.1080/03602559.2014.935421

Chantara Thevy Ratnam, Sivanesan Appadu & Wan Ali Wan Yusof (2015). Electron beam irradiation of EPDM/PVC blend, Int. J. Materials Engineering Innovation, Vol. 6, No. 1.

Chantara Thevy Ratnam, Suganti Ramarad, Mohd Khalid Siddiqui, Anis Sakinah Zainal Abidin & Luqman TG Chuah. (2015). Irradiation cross-linking of ethylene vinyl acetate/waste tire dust: Effect of multifunctional acrylates, Journal of Thermoplastic Composite Materials, pp. 1-15.ª The Author(s) 2014.

Chantara Thevy Ratnam. S. Ramarad, M. Khalid , Suhaida A Rashid & Zurina Mohd. (2015). Effect of electron beam radiation on the mechanical properties of Low-Density Polyethylene (LDPE)/Waste Tire Dust (WTD) blends. Macromolecular Symposia, 354, pp.47-54.

Dr Rahim et. al. 2015. (2015). Multiplex SSR-PCR approaches for semi-automated genotyping and characterization of loci linked to blast disease resistance genes in rice, Comptes Rendus Biologies

Dr. Azmi Mohamed, Argo Khoirul Anas, Suriani Abu Bakar, Tretya Ardyani, Wan Manshol W. Zin, Sofian Ibrahim, Masanobu Sagisaka, Paul Brown & Julian Eastoe (2015). Enhanced dispersion of multiwall carbon nanotubes in natural rubber latex nanocomposites by surfactants bearing phenyl groups, JCIS-15-1159R1, Journal of Colloid and Interface Science, 2015.

Emmanuel Farhi, Faridah Mohamad Idris, Abdul Aziz Mohamed, Hafizal B. Yazid, Rafhayudi Jamro, Megat Harun Al Rashid & Muhammad Rawi B. Mohamed Zin. (2015). Neutron scattering instrumentation at low power reactors for science, engineering and education.

F. A. Tanweer, M. Y. Rafii, K. Sijam, H. A. Rahim, F. Ahmed, S. Ashkani, & M. A. Latif. (2015). Identification of suitable segregating SSR markers for blast resistance in rice using inheritance and disease reaction analysis in backcross families, Australasian Plant Pathol, 44, pp.619–627 doi: 10.1007/s13313-015-0380-5

F. Mohamed, A. Hassan, R. Yahaya, I. Rahman, M. Maskin, P. Praktom, F. Charlie (2015). Operator reliability study for probabilistic safety analysis of an operating research reactor. J. Annals of Nuclear Energy.

Fahim Ahmed, Mohd Y. Rafii, Mohd Razi Ismail, Abdul Shukor Juraimi, Harun Abdul Rahim, Fatah Abro Tanweer & Mohammad Abdul Latif. (2015). Recurrent parent genome recovery different populations with the introgression of Sub1 gene from a cross between MR219 and Swarna Sub1, Euphytica International Journal of Plant Breeding, ISSN 0014-2336, Euphytica, doi:10.1007/s10681-015-1554-5.

Faiz, A., M.M. Hanafi, M.A. Hakim, M.Y. Rafii and A.S.N. Akmar. (2015). Micronutrients, antioxidant activity, and tocochromanol contents of selected pigmented upland rice genotypes, International Journal of Agriculture and Biology, 17, pp. 741-747.

Farahnaz S.G.H., Rafii M.Y., Ismail M.R., Muda Mohamed M.T., Rahim A.H., Latif M.A. & Aslani F. (2015). Application of an effective statistical technique for an accurate and powerful mining of quantitative trait loci for rice aroma trait, PLOS ONE; doi: 10.1371/journal.pone.0129069

Farahnaz S.G.H., Rafii M.Y., Ismail M.R., Muda Mohamed M.T., Rahim A.H., Latif M.A. & Aslani F. (2015). Comparative mapping and discovery of segregation distortion and linkage disequilibrium across the known fragrance chromosomal regions in a rice F2 population, Euphytica (2015) 204, pp.557-569. doi: 10.1007/s 10681-014-1322-y

Fatah A. Tanweer, Mohd Y. Rafii, Kamaruzaman Sijam, Harun A. Rahim, Fahim Ahmed, Sadegh Ashkani & Mohammad A. Latif. (2015). doi:10.3389/fpls.2015.01002

Fatah A. Tanweer., Rafii M.Y., Sijam K., Rahim A.H., Ahmed F. & Latif M.A. (2015). Current advance methods for the idendification of blast resistance genes in rice, Comptes Rendus Biologies. Retrieved from http://www.sciencedirect.com

Fatah A. Tanweer., Rafii M.Y., Sijam K., Rahim A.H., Ahmed F. & Latif M.A.(2015).

Fatihhi, S. J., Harun, M. N., Abdulkadir, M. R., Abdullah, J., Kamarul, T. , Andreaso¨, C. & Syahrom, A. (2015). Uniaxial and multiaxial fatigue life prediction of the trabecular bone based on physiological loading: A comparative study, annals of biomedical engineering, doi:10.1007/s 10439-015-1305-8, 2015

Feven Mattews Michael, Mohammad Khalid, Chantara Thevy Ratnam, Rashmi Walvekar, Suganti Ramarad & Syuhada Ramli. (2015). Effect of electron beam irradiation on (waste tire dust)- filled ethylene vinyl acetate in the presence of bisphenol a diglycidyl ether, Journal Of Vinyl & Additive Technology.

Fletcher J.W., Logan T.F., Eitel Jacob A., Mathias C.J., Ng Y., Lacy J.L., Hutchins G.D., Green M.A.. (2015). Whole-Body PET/CT Evaluation of tumor perfusion using generator-based 62Cu-Ethylgloxal Bis (Thiosemicarbazonato) Copper(II): Validation by direct comparison to 15O-water in metastatic renal cell carcinoma. Journal of Nuclear Medicine, 56(2015), pp. 56-62.

Husaini Salleh, Supian Samat, Mohd Khalid Matori & Muhammad Jamal Md Isa (2015). Anode-Cathode Effects of EPDM-g-MAH compatibilizer and internal mixer processing parameters on the properties of NR/EPDM blends: An analysis using response surface methodology Effects of EPDM-g-MAH compatibilizer and internal mixer processing parameters on the properties of NR/EPDM blends: An analysis using response surface methodology position: How it influences the radiation risk to staff involved in fluoroscopy procedures. Advanced Materials Research,1087, pp.405-409. doi:10.4028/www.scientific.

I. A. Alnour, H. Wagiran, N. Ibrahim, S. Hamzah, B. S. Wee & M. S. Elias (2015). Rare earth elements determination and distribution patterns in granite rock samples by using INAA absolute method. Journal of Radioanalytical and Nuclear Chemistry, 303, pp. 1999-2009. doi 10.1007/s10967-014-3756-z

